

Bab 2

KAJIAN PERSURATAN

Bab ini mengemuka dan menghuraikan beberapa pengistilahan konsep mengenai regulasi, kepentingan regulasi, pembentukan akta, beberapa pandangan kolektif dan menyeluruh mengenai pendekatan perundangan multimedia. Pada bahagian lain pula, pengkaji mengaitkan skop dan pendekatan kajian dengan teori-teori yang berkaitan dan beberapa kajian awal yang juga menyoroti pendekatan kajian terhadap pelaksanaan akta-akta tempatan dan di luar negara.

2.1 Pengistilahan

- Istilah 'Regulasi'

Regulasi merupakan suatu istilah Inggeris yang diMelayukan. Istilah ini mengambil perkataan "*Regulation*" di dalam bahasa Inggeris. Pada dasarnya, menurut Kamus Inggeris-Melayu, DBP, 1991 halaman 1316, "*regulation*" atau singkatannya "*regulate*" bererti suatu pengawalan berhubung dengan peraturan-peraturan tertentu yang dibuat oleh sesuatu pihak untuk diguna pakai oleh pihak yang lain.

Mengikut *Wordsmyth Educational Dictionary* (edisi Internet, Julai 1999), *regulation is referring to a principle, rule, or law designed to regulate behaviour or to conduct rule*. Ia juga boleh disifatkan sebagai suatu pengawalan peraturan ataupun kaedah penetapan

perkara-perkara tertentu yang boleh dijadikan sebagai suatu peraturan untuk diikuti oleh pihak tertentu dengan sebab-sebab tertentu

Istilah yang digunakan oleh suruhanjaya ialah, "suatu kaedah pengawalseliaan peraturan-peraturan berbentuk perundangan (polisi), dikuatkuasakan untuk dipatuhi oleh pihak-pihak yang terlibat dengan peraturan-peraturan yang termaktub itu" (Syed Hussein, 1999). Dalam erti kata yang lain, regulasi memberi makna yang agak meluas jika dibandingkan dengan istilah 'peraturan' itu

Menurut beliau, regulasi atau pengawalseliaan ini berperanan membentuk suatu garis panduan atau ketetapan peraturan yang harus dipatuhi oleh individu atau pihak yang terlibat dengan peraturan atau ketetapan tersebut. Sekiranya ada di antara mereka yang mengingkari peraturan tersebut, maka pihak tersebut boleh dikenakan hukuman yang telah diputuskan oleh undang-undang

Regulasi, pada hakikatnya berbentuk suatu pengawalseliaan peraturan-peraturan menerusi kaedah tertentu yang ditetapkan oleh undang-undang atau polisi tertentu, seperti penyeliaan, pemantauan, pemerhatian, penyuntingan, penapisan bahan dengan bertujuan untuk menyempurnakan status bahan agar ia didapati menepati atau selari dengan kehendak perundangan, matlamat negara mahupun keperluan rakyat di sesebuah negara

Regulasi yang dikatakan berpengaruh atau mantap adalah terdiri daripada suatu kaedah pengawalseliaan peraturan-peraturan yang dapat diterima oleh masyarakat, negara dan pihak-pihak yang berkepentingan terhadap regulasi itu

Clyde Wayne, 2000 menyifatkan bahawa, *"regulation is all-encompassing policy term that has come to include many different political and economic issues and ideas"*.

Dia mengkategorikan regulasi tersebut kepada dua bidang yang berbeza, iaitu 'regulasi ekonomi' dan 'regulasi sosial'. Pembahagian yang diwujudkan itu, menurutnya adalah berdasarkan kepada takrif berbeza mengikut bidang, kepentingan dan pengaruh bidang-bidang berkenaan kepada sesuatu pihak yang tertakluk di bawah pelaksanaan regulasi-regulasi ini.

Pada umumnya, regulasi-regulasi yang diwujudkan mengikut bidang tertentu adalah merupakan suatu pencernaan peraturan daripada suatu undang-undang induk. Regulasi-regulasi seperti ini boleh berbentuk *"code of practices"*, *"ethiques"* atau amalan-amalan perundangan yang diterima oleh semua pihak, dikuatkuasakan dan diguna pakai oleh pihak-pihak yang terlibat.

- **Regulasi Ekonomi**

Regulasi Ekonomi mula diperkenalkan apabila terdapat peningkatan dalam kegiatan kewangan dan ekonomi di Eropah dan Amerika Syarikat. Tujuan regulasi ini dibuat adalah kerana untuk memelihara kemantapan dan kesempurnaan bidang-bidang ekonomi di negara-negara berkenaan, membolehkan kerajaan campur tangan dalam urusan ekonomi di negaranya.

Menurut Clyde (2000),

Economic regulations generally cover sectors of the American economy such as electricity, natural gas, communications, transportation, aviation, agriculture and banking. These regulations usually to the form of overt barriers to entry or exit, licensing and tariffing laws, and price and wage controls.

(halaman 4)

Beliau mengambil contoh Regulasi Ekonomi di Amerika Syarikat sebagai asas kepada penghujahan beliau kerana negara itu dianggap pelabur yang terbanyak dalam bidang ekonomi dunia jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Kewujudan regulasi seperti ini, menurut beliau boleh meninggalkan kesan politik kepada perkembangan ekonomi sesebuah negara.

Over the last two decades, numerous economic regulations have been reformed or repealed after academics, policy makers and the general public became convinced that these rules and statutes made markets less competitive, discouraged economic efficiency and lessened overall consumer welfare.

(Ibid.).

Dasar Kerajaan Malaysia yang mengurangkan regulasi secara komprehensif terhadap beberapa bidang seperti telekomunikasi, teknologi maklumat dan industri bidang-bidang berkenaan boleh dianggap suatu pendekatan 'ketelusan' kerajaan untuk

mengurangkan bentuk sekatan atau kawalan terhadap bidang-bidang tersebut. (Leo Moggie, 1999).

Pendekatan ini, menurut Syed Hussein, sengaja dilakukan kerana ia akan menjadikan sesuatu regulasi itu lebih bersifat fleksibel dan relevan kepada suatu tempoh masa tertentu. Ia juga adalah berkaitan dengan perkembangan teknologi semasa yang kerap berubah di dalam bidang-bidang berkenaan, mengikut arus masa.

- **Regulasi Sosial**

Regulasi sosial adalah merupakan suatu pendekatan pengawalseliaan peraturan, polisi atau undang-undang yang menerkankan mengenai aspek perlindungan masyarakat, kesihatan dan keselamatan pekerja, menjana persekitaran yang sihat atau untuk merangsangkan objektif hak individu (Clyde, 2000).

Kebanyakan daripada regulasi sosial ini berlaku pada akhir 1960-an dan awal 1970-an, apabila bidang perindustrian semakin mendapat perhatian dan dimajukan di negara-negara seperti Amerika Syarikat, Eropah, Jepun dan Rusia.

Isu-isu berhubung dengan regulasi sosial sering dikaitkan dengan perubahan teknologi yang berlaku di dalam sesuatu bidang. Perubahan ini menimbulkan impak terhadap gaya dan taraf kehidupan seseorang individu. Keupayaan seseorang individu mengadaptasikan dirinya dengan bentuk dan struktur perubahan teknologi baru ini amat bergantung kepada kadar kecekapannya untuk memperolehi maklumat, mentafsir,

A 510498705

menilai dan kemudiannya mengamalkan maklumat tersebut bagi kegunaan dirinya atau orang lain (Wan Mohd. Nor, 1999).

Tuntutan terhadap pemeliharaan hak individu, persekitaran dan perkara-perkara lain yang perlu diregulasikan, telah menjadikan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) semakin lantang menyuarakan perjuangannya untuk mendesak kerajaan melaksanakan regulasi sosial yang mantap dan berwibawa. Kritikan hebat terhadap pelaksanaan regulasi sosial ini di Amerika Syarikat, menurut Clyde adalah daripada pertubuhan yang memperjuangkan alam sekitar.

Regulasi sosial yang dikritik oleh seseorang individu itu adalah berasaskan kepada anggapan bahawa terdapat regulasi sosial yang terlalu lemah untuk dibangunkan di negara ini, tidak fleksibel, terlalu mahal dan diuruskan dalam bentuk gaya pentadbiran yang ketinggalan zaman. Oleh sebab itulah kebanyakan daripada perubahan teknologi tertentu di negara ini banyak mengambil kira pengukuran impak penerimaan masyarakat terhadap perubahan teknologi tersebut.

Pengawalseliaan sosial yang diperkenalkan oleh kerajaan menerusi kewujudan Akta 588 ini menunjukkan kesediaan kerajaan untuk membuka peluang kepada masyarakat untuk menilai maklumat yang diperolehinya dengan suatu penekanan *self-regulations* yang mereka amalkan.

Sementara itu pula, pihak industri juga perlu membentuk suatu pendekatan *self-regulatory* dalam aspek pengeluaran bahan, pemprosesan bahan dan pemeliharaan standard mutu bahan yang dihasilkan.

- **Akta**

Akta atau statut didefinisikan sebagai suatu undang-undang yang diluluskan oleh parlimen selepas tahun 1959 hingga sekarang (Razak Mamat, 1999). Akta dianggap berbeza dengan ordinan, enakmen dan perundangan kecil dari segi proses pembentukan undang-undang dan badan yang meluluskan undang-undang tersebut.

Sementara itu ordinan merupakan undang-undang yang diluluskan oleh parlimen dari tahun 1948 hingga tahun 1959 dan juga undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah dan Sarawak. (Razak Mamat, 1999). Enakmen pula merupakan suatu bentuk undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri bagi negeri-negeri di Semenanjung yang meliputi hal-hal seperti kewangan negeri, peraturan-peraturan negeri, undang-undang tanah, air dan perihal undang-undang di bawah kuasa negeri.

Perundangan kecil pula bermaksud peraturan-peraturan, pengisytiharan, kaedah, perintah atau surat yang dikeluarkan mengikut ketetapan peruntukan undang-undang Ordinan, Enakmen atau kuasa lain yang diperuntukkan hak perundangan tertentu. Ia boleh dirujuk sebagai perintah-perintah am, etika tata tertib kakitangan perkhidmatan awam, ataupun perundangan-perundangan kecil di bawah kuasa majlis-majlis tempatan.

- **Proses Pembentukan Akta**

Pada awal proses pembentukan sesuatu akta, cadangan mengadakan suatu peraturan berbentuk undang-undang boleh terdiri daripada manifesto parti, cadangan kabinet, idea menteri, dasar kementerian, laporan-laporan profesional ataupun isu-isu awam yang

dibangkitkan dari semasa ke semasa. Idea tersebut dikemukakan di dalam kabinet untuk mendapatkan sokongan perbincangan dan kelulusan daripada kerajaan.

Setelah memperolehi kelulusan kabinet, cadangan Rang Undang-undang akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara. Pada waktu ini, Rang Undang-undang tersebut akan dikemaskini dan diformatkan mengikut standard Draf Rang Undang-undang.

Proses seterusnya ialah mengemukakan Draf Rang Undang-undang tersebut di parlimen. Pada kebiasaannya, seorang menteri dipertanggungjawabkan untuk mengemukakan draf tersebut di dalam Parlimen. Suatu peringkat Bacaan Pertama dan Bacaan Kedua Rang Undang-undang tersebut dibuat di parlimen. Perbincangan mengenai kandungan Rang Undang-undang itu dibuat di kalangan anggota-anggota Dewan Rakyat. Sebuah jawatan kuasa di peringkat Dewan Rakyat dibentuk bagi membincang, meminda atau memperbaiki kandungan Rang Undang-undang tersebut sebelum ia diluluskan oleh parlimen, sekurang-kurangnya dengan kelulusan pengundian lebih daripada 2/3 majoriti anggota-anggota parlimen sedia ada.

Selepas itu, Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat akan dikemukakan kepada Dewan Negara untuk dibincangkan. Proses ini berulang sekiranya terdapat sebarang pindaan atau pembaikan kandungan terhadap Rang Undang-undang tersebut yang dikendalikan oleh Jawatan Kuasa yang telah dibentuk oleh Dewan Rakyat.

Seterusnya, Rang Undang-undang yang telah siap atau sempurna itu dikemukakan kepada Yang Dipertuan Agong bagi mendapatkan persetujuan. Fasal (4B) di dalam

Perlembagaan Malaysia memperuntukkan sesuatu Rang Undang-undang yang telah dikemukakan kepada Yang Dipertuan Agong selepas tiga puluh hari penghantaraannya, tetapi tidak mendapat maklum balas daripada Baginda, akan menjadi suatu undang-undang dengan sendirinya selepas tempoh berkenaan.

Undang-undang yang telah mendapat persetujuan Yang Dipertuan Agong atau mengikut ketetapan peruntukan Fasal 4(B) itu akan diwartakan kepada umum terlebih dahulu sebelum ia dikuatkuasakan menjadi suatu akta yang baru dan rasmi.

- **Komunikasi**

Pada amnya, komunikasi merupakan suatu istilah Latin yang bermaksud '*communicare*' iaitu mewujudkan suatu persamaan (Shamsuddin, 1993). Ia boleh dirujuk sebagai suatu konsep yang menekankan kepada suatu medium yang membolehkan suatu persamaan dari segi pemahaman idea atau mesej di antara satu unit kepada suatu unit yang lain. Shamsuddin menakrifkan komunikasi sebagai satu proses penyaluran maklumat daripada sumber kepada penerima.

Sementara itu, Abdul Hamid (1990) pula mengaitkan komunikasi sebagai elemen pengaliran idea dan maklumat. Beliau mengatakan bahawa komunikasi merupakan suatu proses pemindahan maklumat, pengetahuan dan simbol daripada sumber kepada penerima dengan tujuan untuk mewujudkan suatu persamaan. Definisi ini, sebaliknya dibangunkan oleh Hybels & Weavers (1992) dengan menokok fungsi komunikasi di dalam suatu era persekitaran maklumat yang semakin berkembang. Mereka menganggap bahawa komunikasi sebagai satu proses perkongsian maklumat dengan harapan akan memberi makna kepada penerima.

Kewujudan komunikasi ini berlaku apabila suatu keperluan untuk mengurangkan ketidakpastian untuk bertindak dengan berkesan, mempertahankan atau memperkuat perasaan ego di dalam diri manusia (Barnlund, 1968). Ia boleh difahami sebagai suatu cara manusia dapat memberi makna kepada sesuatu benda atau perkara, kemudian mengagihkannya kepada penerima maklumat itu dengan sempurna.

Dengan berkomunikasi, manusia dapat membina imej, identiti dan prinsip diri masing-masing serta membentuk suatu keperibadian dan perwatakan yang unik untuk mendirikan suatu komuniti yang bertambah maju. Komunikasi yang seimbang adalah suatu pendekatan penghantaran dan penerimaan mesej yang sempurna menerusi medium terpilih yang dapat memberikan kesan pemahaman yang tinggi kepada penerima.

Berko et. al. (1988) mengakui bahawa komunikasi merupakan suatu keperluan yang amat penting di dalam kehidupan manusia. Tanpanya, manusia akan merasakan sesuatu kekurangan di dalam kehidupannya. Justeru itu, perubahan inovasi dalam saluran komunikasi mengikut perubahan zaman dan teknologi dikatakan dapat meningkatkan pemahaman dan pengetahuan penerima maklumat dengan kadar yang pantas dan berkesan. Ia dapat menyempurnakan lagi makna kehidupan seseorang.

Akta Komunikasi dan Multimedia pula memberikan takrifan komunikasi yang lebih mudah dan praktikal. Ia difahami sebagai 'apa-apa komunikasi, sama ada antara orang dengan orang, benda dengan benda, atau orang dengan benda, dalam bentuk bunyi, data, teks, imej visual atau apa-apa bentuk lain atau mana-mana gabungan bentuk-bentuk itu'. Pendefinisian sebegini dianggap penting dari perspektif perundangan

kerana menggambarkan suatu konsep penghubung maklumat daripada sumber kepada penerima menerusi medium teknologi penghantaran maklumat yang tertentu.

Bentuk penghantaran maklumat menggunakan teknologi tertentu ini akan melibatkan banyak aspek teknikal dan meninggalkan impak tertentu kepada penerima. Oleh sebab itu, suatu penekanan perundangan, sama ada dalam bentuk peraturan, regulasi ataupun undang-undang diperlukan untuk menyempurnakan pengaliran dan penghantaran maklumat-maklumat tersebut.

Pada keseluruhannya, komunikasi merupakan suatu proses penghantaran maklumat dalam bentuk simbol kepada penerima menerusi medium penghantaran yang tertentu. Komunikasi yang sempurna dikatakan sebagai suatu proses penghantaran dan penerimaan maklumat yang saling melengkapi di antara penghantar maklumat dengan penerima maklumat. Maklum balas daripada penerima maklumat mengenai sesuatu mesej yang disampaikan kepadanya, merupakan petanda proses komunikasi telah dapat disempurnakan.

- **Multimedia**

Istilah multimedia berasal daripada bahasa Inggeris yang merujuk kepada suatu gabungan teknologi audio, visual dengan sistem teknologi maklumat. Teknologi multimedia ini dikatakan wujud apabila sistem teknologi maklumat yang berdasarkan kepada sistem pemprosesan data berkembang di Amerika Syarikat dan Eropah (Awanglah, 2000). Multimedia boleh disifatkan sebagai suatu sistem penghantar maklumat yang komprehensif, imaginatif dan *realible* kerana ia memaparkan data-data

menerusi suatu sistem gambaran atau persembahan yang dapat menimbulkan kesan kepada audien.

Terdapat beberapa pengertian atau pemahaman terhadap teknologi seperti ini. Jeniffer Thomas (1999) membahagikan istilah multimedia ini kepada dua, iaitu 'MULTIple' dan 'Media'. Beliau menyifatkan bahawa multimedia ini dibina daripada suatu prinsip yang mudah, tetapi diperkembang dan dipertingkatkan keupayaannya melewati dunia videoteks, animasi, imej 3-dimensi, grafik dan bunyi. Secara umumnya, peranan multimedia, menurut beliau;

"...to define the process of bolting all these wonderful things together within the confines of a computer. Never underestimate the power of the spoken word or a musical clip to add an element of realism or professionalism to a multimedia application."

(Jeniffer Thomas, 1999; halaman. 9)

Istilah multimedia sebagai suatu bentuk gabungan teknologi ini mula digunakan pada tahun 1960an (Mashkuri dll., 1999) apabila suatu bentuk visual slaid dipersembahkan bersama pita audio untuk mendapatkan 'impak' atau kesan penayangan yang interaktif. Pada tahun 1978 pula cakera-video *Laservision* yang diusahakan oleh syarikat Philips adalah merupakan suatu penjelmaan kepada perkembangan teknologi CD-ROM dan Video CD di rantau Asia dan kemudiannya diikuti oleh Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah.

Penggabungan teknologi interaktif ini pula diaplikasikan ke dalam sistem teknologi maklumat dan pengkomputeran bagi membolehkan suatu persembahan gabungan

teknologi secara interaktif dapat diusahakan lebih komprehensif serta memenuhi pengisian keperluan teknologi maklumat semasa.

Secara umumnya, multimedia merupakan suatu konsep penggabungan media secara interaktif yang boleh menyokong sistem pembekalan maklumat data, pemindahan dan pencantuman data bagi membolehkan suatu persembahan maklumat dibuat dengan sistematik dan berkesan. Konsep ini diperjelaskan oleh Mashkuri sebagai;

“Sistem multimedia dicirikan sebagai dikawal-komputer, penghasilan bersepadu, pengolahan, persembahan, pensetoran dan komunikasi bagi maklumat bebas yang dikodkan sekurang-kurangnya menerusi perantara selanjar (bersandar pada masa) dan diskrit (tiada persandaran masa)”.

Konsep tersebut membawa kepada empat pendekatan asas kepada suatu sistem multimedia yang dibentuk. Ia meliputi;

- a) pendekatan format perisian multimedia secara digital yang bersesuaian dengan sistem komputer;
- b) penghasilan data secara berasingan sebelum ia digabungkan di dalam suatu format yang teratur dan sempurna;
- c) data-data disimpan sebelum diagihkan ke dalam format yang bersepadu mengikut tempoh masa yang diperlukan; dan
- d) persembahan data adalah berbentuk interaktif selepas sesuatu data dikumpulkan dan diolah mengikut keperluan perisian teknologi maklumat semasa.

Mohd. Jamil Sulaiman (1999) pula membahagikan multimedia kepada dua peringkat, iaitu peringkat asas yang meliputi persembahan teks dan gambar statik dan peringkat lanjutan yang merangkumi data interaktif seperti video, animasi, imej, bunyi dan teks. Beliau berpandangan bahawa teknologi ini boleh memperkayakan ilmu pengetahuan dan pengalaman minda pengguna kepada suatu corak pembelajaran yang dinamik.

Haniram Jayaram (1991) pula mengaitkan bentuk teknologi komunikasi ini dengan proses penggabungan data di dalam media-media yang wujud secara berasingan. Beliau menjelaskan bahawa;

"Multimedia is a form of media which incorporates information on differing genres and expresses them in binary form, a digital code using 0's and 1's. Information which once handled separately in various form eg. as literacy, artistic, musical works through books, paintings and records, may be presented and accessed in an integrated manner."

(Haniram, 1991; halaman 5)

Beliau menyifatkan bahawa data-data daripada media berasingan ini akan mewujudkan suatu kombinasi penyempurnaan data yang dapat dipersembahkan ke dalam suatu medium yang interaktif dan fleksibel.

Universiti Multimedia Malaysia (MMU) pula merujuk definisi teknologi multimedia ini dalam suatu konsep pengembangan fungsi atau peranan teknologi itu sendiri. Multimedia dikatakan dapat menjelmakan beberapa bentuk perusahaan teknologi yang berkaitan seperti sistem telekomunikasi, teknologi maklumat, pembangunan perisian, penghasilan kandungan maklumat dan pengurusan perniagaan. Menurutnya;

"The word 'Multimedia' will encapsulate the entire spectrum of multimedia, that is, from the infrastructure to the application and management of multimedia. At one end of the spectrum is the enabler of multimedia technology that will cover telecommunication and network and at the other end is the application and management of content."

Khaw (2000) mengaitkan bahawa proses penggabungan teknologi media pada hari ini adalah berasaskan kepada pembangunan sistem multimedia yang berkembang pesat dan mempengaruhi persekitaran media secara keseluruhannya. Menurut beliau, impian Kerajaan Malaysia untuk menjayakan konsep MSC adalah merupakan suatu usaha berterusan kerajaan membangunkan teknologi multimedia di rantau ini secara besar-besaran, bersepadu dan sistematik.

Pemahaman mengenai konsep sistem pembangunan multimedia ini adalah penting kerana ia mendirikan suatu sistem penggabungan industri media yang berhasil menciptakan bidang-bidang industri atau perniagaan media yang baru. Leo Moggie (1999) menyifatkan bahawa pendekatan sistem penggabungan media menerusi saluran multimedia yang bersepadu ini boleh mengembangkan peranan sesebuah industri tempatan dalam menghasilkan produk perkhidmatan yang mengikut piawaian antarabangsa. Tambah beliau;

"The convergence business model covers a global market place between physically anonymous buyers and sellers, dealing with scores of weightless and invisible products that are exchanged with non-tangible currency."

Satu aspek yang agak penting terkandung di dalam sesuatu sistem multimedia ialah kandungan maklumat. Ia dikatakan memberi kesan terhadap corak persembahan multimedia, pengisiannya dan juga penerimaannya di kalangan masyarakat. Kandungan maklumat ini mencerminkan bagaimana teknologi ini dapat digunakan dengan sempurna kepada audien dan memberikan suatu gambaran menyeluruh mengenai motif persembahan sesuatu multimedia yang dipertontonkan.

Thomas J. Sumedininghoff (1994) menjelaskan pengisian kandungan maklumat di dalam sistem multimedia. Menurut beliau, kandungan maklumat yang dipilih, akan diedit, diperkembangkan dan diadaptasikan kepada perisian tertentu yang direka bagi tujuan tersebut. Pemilihan terhadap kandungan maklumat ini perlu berasaskan kepada ketepatan maklumat, relevan maklumat kepada topik dan bagaimana maklumat tersebut boleh dipindahkan ke dalam bentuk audio, visual atau grafik yang mudah difahami oleh audien.

Secara keseluruhannya, teknologi multimedia ini menyediakan suatu platform rangkaian fungsi mengikut bidang yang diperlukan untuk mengisi objektif sistem jalinan lebuhraya maklumat (*Information Super Highway*). Bidang-bidang yang dibangunkan menerusi perkembangan teknologi multimedia tersebut ialah perundangan siber, pengurusan perniagaan, sistem pemasaran digital, pembangunan kandungan dan pendidikan, pembangunan perisian dan kemajuan di dalam industri telekomunikasi.

Platform rangkaian ini diperlukan bagi memenuhi konsep persekitaran global yang banyak menggunakan teknologi maklumat sebagai penghantar utama proses komunikasi.

- **Masyarakat**

Masyarakat boleh difahami sebagai suatu organisma terkumpul, wujud di dalam persekitaran sosial yang membentuk sistem kepercayaan yang dikongsi mengenai peraturan tingkahlaku yang bersesuaian dengan mereka (De Fleur dan Rokeach). Ia membolehkan berlakunya pertukaran fikiran, pengetahuan dan emosi sesama mereka.

Robert Merton (1957) pula mengaitkan masyarakat dengan suatu bentuk hubungan yang interaktif. Beliau menyebut bahawa sesebuah masyarakat memiliki suatu sistem saling berhubungan dan terdiri daripada kegiatan yang berpola, berulang-ulang dan saling berkaitan di antara satu sama lain. Ia akan mewujudkan suatu keseimbangan dinamis yang dapat membangunkan institusi sesebuah masyarakat.

Sementara itu pula, Jurgen Habermas (1975) mempunyai tanggapan berbeza mengenai sistem perhubungan di dalam masyarakat. Beliau menganggap bahawa masyarakat mengandungi pelbagai kategori dan kumpulan manusia yang mempunyai kepentingan yang berlawanan di antara satu sama lain.

Anggota-anggota kumpulan tersebut berlumba-lumba untuk memperolehi kepentingan masing-masing. Hal ini akan menimbulkan konflik apabila terdapat pertindihan kemahuan akibat kepentingan yang sama. Habermas meramalkan bahawa konflik kemahuan dan kepentingan yang timbul di kalangan anggota masyarakat ini akan menghasilkan suatu persekitaran yang tidak seimbang dan berubah-ubah.

Perubahan inilah, mengikut tanggapan Habermas, akan mewujudkan sebuah masyarakat yang membangun dan teguh kerana kedudukan institusi tersebut mengikut arus perubahan persekitaran.

Jerome G. Manis dan Bernard N. Meltzen (1968), dua orang ahli sosiologi memperkenalkan konsep *Symbolic Interaction* bagi merujuk pemahaman mengenai hubungan interaktif dalam masyarakat. Mereka mengaitkan peranan individu, perlakuan dan kepercayaan yang dianggap sebagai salah satu elemen yang penting dalam mendirikan institusi kemasyarakatan.

Penyertaan setiap individu di dalam masyarakat akan berkongsi pengertian yang dihasilkan kepada simbol-simbol bahasa untuk difahami dan membentuk pola-pola tingkah laku yang dirancang. Seterusnya, akibat daripada proses interaksi simbolik secara individu dan kolektif, tafsiran masyarakat mengenai sesuatu kenyataan akan menjadikannya satu bentuk adat sosial. Kepercayaan pula wujud akibat penyusunan pengertian peribadi daripada interaktif yang simbolik. Ia bergantung kepada keperluan sosial.

Akhirnya, kepercayaan dan adat sosial di dalam sesebuah masyarakat ini akan mewujudkan suatu bentuk tingkah laku mengikut keperluan diri sendiri, orang lain dan keperluan sosial. Ia lebih dikenali sebagai norma ataupun nilai dan kebiasaan yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat terhadap sesuatu perkara atau kejadian tertentu.

- **Masyarakat Siber dan Informasi**

Perubahan teknologi maklumat pada hari ini melahirkan suatu bentuk komuniti yang berteraskan kepada pendedahan literasi komputer dan teknologi komunikasi. Othman Yeop Abdullah (1999) menganggap bahawa pengenalan sistem perbankan dan perniagaan menerusi Internet akan mewujudkan suatu bentuk masyarakat yang dikenali sebagai *Cocoon Society*. Masyarakat sebegini lebih cenderung untuk memencilkan diri dan menguruskan pekerjaan seharian mereka menggunakan teknologi Internet dari rumah sahaja.

Sementara itu pula, istilah masyarakat virtual dikaitkan dengan konsep perhubungan manusia, data, kekayaan dan kuasa yang diperolehi oleh manusia dengan menggunakan komunikasi yang berteraskan kepada teknologi komputer (*computer-mediated communications*). Ia dikatakan berasal daripada istilah *Cyberspace* yang digunakan oleh William Gibson di dalam novelnya, *Neuromancer* bagi menggambarkan konsep kesatuan manusia dengan teknologi maklumat tersebut (Howard, 1999). Konsep asal penyatuan masyarakat di dalam kelompok kemajuan teknologi ini mengambil sempena falsafah daripada pembentukan '*Global Village*' yang dianjurkan oleh McLuhan.

Pavlik (1998) merujuk konsep masyarakat virtual sebagai suatu perkumpulan sosial kolektif yang wujud di dalam persekitaran *online* dunia pengkomputeran elektronik yang dipanggil *cyberspace*. Ruang dan skop bagi komuniti virtual ini tidak terhalang dari batasan geografi mahupun persekitaran politik.

Howard (1999) pula menafsirkan bahawa masyarakat virtual ini saling berhubung untuk berkongsi ilmu pengetahuan, mewujudkan perdagangan siber, terikat kepada

perundingan intelektual, berkongsi sokongan emosi, membuat perancangan strategik dan apa sahaja pekerjaan yang tidak melibatkan fizikal secara langsung.

Howard (1999) menjelaskan bahawa perkaitan di antara perhubungan komuniti virtual ini dengan teknologi adalah seperti berikut;

The technology that makes virtual communities possible has the potential to bring enormous leverage to ordinary citizens at relatively little cost – intellectual leverage, commercial leverage, and most important, political leverage. But the technology will not itself fulfill that potential; this latent technical power must be used intelligently and deliberately by an informed population.

(Howard, halaman 5)

Smith (1993) menyokong usaha-usaha untuk membangunkan komuniti virtual tersebut dengan memberikan penekanan terhadap kelebihan menikmati bentuk hubungan interaksi virtual sesama individu atau masyarakat. Akan tetapi, menurut beliau beberapa kelemahan seperti pengaliran data daripada sistem pengkalan data atau sistem teknologi maklumat itu sendiri belum lagi dapat mewujudkan suatu bentuk perhubungan yang formal dan boleh diterima oleh semua golongan masyarakat.

Johnston (1998) pula mengkategorikan masyarakat digital ini kepada tiga tahap iaitu;

- a) masyarakat yang hidup di dalam lingkungan perkampungan siber yang dihubungkan dengan teknologi komunikasi tertentu. Ia membolehkan anggota masyarakat berinteraksi dan berkomunikasi mengikut jalinan struktur sistem

komunikasi siber yang pantas. Kebanyakan masyarakat yang tinggal di blok-blok pangsapuri di Singapura dikatakan mengamalkan bentuk komunikasi sebegini.

- b) Masyarakat yang menggunakan Internet atau sekurang-kurangnya teknologi telekomunikasi seperti telefon dan perkhidmatan pos yang dikatakan dapat menyokong kehidupan komuniti di dalam era globalisasi. Golongan masyarakat sebegini dikatakan menggunakan teknologi siber seperti Internet untuk membantu mereka memenuhi keperluan bermasyarakat di dalam arus kehidupan moden pada hari ini.
- c) Golongan masyarakat yang menyokong pembangunan dan kemajuan teknologi siber atau teknologi Internet. Golongan ini menganggap perubahan dari perkembangan teknologi siber dapat membantu menyelesaikan kerja dengan mudah, pantas, efektif dan memberi kesan yang baik kepada mereka. Walaupun golongan ini tidak begitu ekstrim menggunakan teknologi siber di dalam kehidupan seharian mereka, tetapi mereka dapat menerima konsep perancangan dan pelaksanaan idea teknologi baru ini dengan proaktif.

Rahmah Hashim (1999) pula membayangkan kewujudan suatu komuniti elektronik (E-Komuniti) apabila pelaksanaan ICT semakin berkembang dan meluas. Ia boleh ditafsirkan sebagai sekelompok individu yang mempunyai minat, pegangan dan keyakinan yang sama untuk memanfaatkan teknologi maklumat dalam interaksi seharian bagi meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Rahmah mengklasifikasikan dua pemangkin utama yang merupakan faktor utama kewujudan E-Komuniti, iaitu,

- a) Pemangkin luaran yang meliputi persamaan minat (ekonomi, politik, pendidikan)

dan persekitaran yang serupa dari segi adat resam, norma atau nilai masyarakat;

- b) Pemangkin dalaman yang terdiri daripada aspek etnik, bangsa atau kaum yang menjadi pegangan warisan atau keturunan seseorang individu.

Menurut Rahmah, faktor-faktor tersebut dikatakan membina identiti komuniti elektronik menerusi penajaan program-program ICT yang berkesan dari semasa ke semasa. Di Jepun, misalnya sudah terdapat program pembinaan komuniti ICT yang dinamakan sebagai *Technopolis* atau *Teletopia*. Sementara itu, di Australia, ia dikenali sebagai *VICNET* dan *KampungNet* di Singapura.

Sementara itu di Amerika Syarikat pula memiliki berbagai komuniti ICT yang diklasifikasikan mengikut wilayah-wilayah seperti di Seattle, Sacramento, Arizona dan sebagainya.

Falsafah penubuhan konsep E-Komuniti di Malaysia adalah berasaskan kepada pelaksanaan tujuh aplikasi (*Seven 'Flagship'*) yang terdapat di dalam MSC. Ia dikatakan didorong oleh rangsangan dasar kerajaan untuk mewujudkan suatu persekitaran ICT di dalam kehidupan masyarakat secara berkesan pada masa yang akan datang.

Menerusi Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, konsep E-Komuniti ini diperkenalkan sebagai sebahagian daripada pelaksanaan program ICT oleh NITC. Jawatan kuasa yang dipengerusikan oleh menteri di kementerian tersebut, dainggotai oleh Telekom Malaysia Berhad, MIMOS dan UKM. Matlamatnya ialah untuk membina suatu persekitaran ICT yang dapat menjana produktiviti, keupayaan kreatif, lestari

ekonomi berasaskan kepada perkhidmatan global dan meningkatkan kemahiran ICT di kalangan tenaga pekerja

- **Masyarakat Di Dalam Konteks Negara Malaysia**

Penduduk Malaysia telah mencecah 22 juta orang (EPU 1998). Malaysia mengamalkan sistem masyarakat berbilang kaum. Oleh yang demikian, penekanan terhadap sesuatu pelaksanaan program dibuat berdasarkan kepada kepentingan, sensitiviti, amalan dan kepercayaan setiap kaum di negara ini. Berbeza dengan negara-negara lain di Asia, Malaysia telah mendirikan suatu sistem ekonomi yang dikenali sebagai Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang berasaskan kepada keseimbangan tahap sosioekonomi kaum dan menumpukan kepada strategi-strategi perpaduan di antara semua kaum yang terdapat di negara ini.

Melalui DEB, jurang ekonomi di antara kaum Bumiputera dengan kaum-kaum lain telah dapat dikurangkan menerusi penggabungan program-program ekonomi, pendidikan dan sosial oleh kerajaan. Ia dapat digambarkan sebagai suatu usaha bersungguh-sungguh kerajaan untuk tidak membiarkan kaum Bumiputera di negara ini tidak ketinggalan berbanding dengan pencapaian kaum-kaum lain.

Pada keseluruhannya, populasi masyarakat Malaysia melambangkan suatu kesepaduan ideologi dan falsafah untuk membina negara yang berdaulat dan maju, tanpa menghiraukan keturunan, ras, bangsa atau kaum tertentu.

Kepelbagaian kaum dengan pengamalan agama dan kepercayaan yang berbeza inilah yang telah meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang berjaya mendirikan sebuah

bangsa Malaysia yang bersepakat dan bersefahaman di antara sesama mereka. Buktinya, selepas tahun 1969, tidak ada permusuhan kaum atau pertumpahan darah sesama kaum sekiranya terdapat konflik di dalam sesebuah kaum tersebut. Konflik-konflik bersifat perkauman yang timbul di kalangan anggota masyarakat telah dapat diselesaikan dengan sempurna menerusi perundingan yang dilakukan dari semasa ke semasa.

2.2 Takrif ‘Akta Komunikasi dan Multimedia 1998’

Akta ‘Komunikasi dan Multimedia’ merupakan suatu bentuk perundangan yang meliputi perihal pencantuman media telekomunikasi, penyiaran dan multimedia. Ia dirangka sejak tahun 1996 selepas *Telecommunication Act* di Amerika Syarikat diluluskan oleh Clinton. Rang undang-undang akta ini dibentangkan di parlimen pada bulan Julai 1997, diwartakan dan dikuatkuasakan pada tahun berikutnya.

Ketiga-tiga media komunikasi yang terangkum di dalam akta ini dipilih untuk digabungkan di dalam suatu perundangan siber adalah kerana media-media tersebut dianggap sebagai suatu penghantar medium komunikasi yang penting, berdaya maju dan membangun seiring dengan perkembangan teknologi siber dari semasa ke semasa (Lee Moggie, 1997).

Menurut beliau bidang multimedia boleh disifatkan sebagai asas dan pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara. Oleh yang demikian, suatu penyusunan semula struktur dan instrumen dasar, institusi kawal selia, perundangan dan pembangunan industri adalah diperlukan bagi memenuhi kriteria negara maju.

Leo Moggie, semasa membentangkan Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia pada tahun 1996 memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus memberi penekanan kepada aspek-aspek kecekapan pengurusan sumber ekonomi, kepentingan pengguna, penggalakkan nilai dan budaya negara serta perkara teknikal mengenai infrastruktur sistem teknologi yang dapat meningkatkan kecekapan industri, meningkatkan persaingan yang sihat dan menggalakkan aktiviti-aktiviti ekonomi bersilang.

Penjelasan tersebut memberikan suatu harapan baru kepada pertumbuhan ekonomi negara berasaskan kepada sistem teknologi maklumat dan '*K-Economy*' yang dipadankan dengan persekitaran dunia global masa kini. Penekanan berimbang terhadap pembangunan teknologi akan dapat membantu negara untuk mencapai Wawasan 2020.

Perbincangan terperinci mengenai ciri dan kandungan akta ini ada dinyatakan di dalam Bab 3 kajian ini.

2.3 Kajian-kajian Berkaitan

Pengkajian mengenai bidang perundangan di negara ini tidak banyak dilakukan. Kajian-kajian semasa lebih tertumpu kepada isu-isu yang timbul daripada pelaksanaan sistem perundangan ataupun aspek-aspek tertentu di dalam peruntukan perundangan di negara ini. Hal ini mungkin disebabkan oleh penekanan penyelidikan di dalam bidang perundangan lebih menekankan kepada pengkajian kes dan struktur perundangan, mengikut peruntukan dan pelaksanaan undang-undang tertentu.

Sementara itu, pengkajian bidang perundangan siber di negara ini amat kurang dilakukan di negara ini. Ini mungkin disebabkan oleh perkembangan bidang itu yang boleh disifatkan belum mantap dan berkembang di negara ini dengan sepenuhnya. Ini menyebabkan pengkaji-pengkaji terpaksa bertumpu kepada isu-isu yang berkaitan dengan bidang itu di peringkat antarabangsa kerana banyak maklumat dan kajian telah pun dilakukan oleh pengkaji-pengkaji barat.

Namun begitu, terdapat beberapa kajian dari sudut perundangan yang boleh dikatakan memberi sumbangan terhadap bidang perundangan siber di negara ini. Kajian-kajian sebegini pula bertumpu kepada aspek-aspek perundangan, kesan dari sudut teknikal dan struktur regulasi yang diwujudkan akibat daripada perkembangan teknologi komunikasi yang baru di negara ini. Kajian-kajian yang dimaksudkan itu ialah kajian Khaw Lake Tee (1990) dan Abu Bakar Munir (1998).

Jika ditinjau dari perspektif bidang sains sosial dan komunikasi pula, belum lagi terdapat suatu karya yang komprehensif yang merujuk kepada kesan atau impak struktur perundangan siber terhadap masyarakat di negara ini. Kajian-kajian daripada bidang tersebut lebih bertumpu kepada aspek-aspek implikasi sosial, polisi sosial, dan kesan teknologi maklumat ke atas manusia. Perbincangan mengenai perundangan pula biasanya disentuh sedikit menerusi tajuk-tajuk yang berkaitan dan dianggap minor di dalam kajian-kajian yang dilakukan itu.

Hal ini mungkin terjadi kerana kajian mengenai perundangan, khususnya perundangan siber ini memerlukan suatu pendekatan yang komprehensif, banyak menekankan kepada aspek teknikal di dalam perundangan dan juga perlu dilakukan secara terperinci dan menyeluruh apabila menyentuh soal-soal pelaksanaan perundangan tersebut.

Suatu kajian yang komprehensif berhubung dengan perancangan dan pelaksanaan fenomena 'pencantuman media' di negara ini ialah laporan Cutler & Co. (1997). Laporan daripada firma perunding dari luar negeri ini lebih merujuk kepada kajian teras yang banyak memberi input kepada penggubalan Akta Komunikasi dan Multimedia. Ia disifatkan sebagai suatu kajian yang menyentuh prospek pelaksanaan dasar pencantuman media yang disarankan oleh kerajaan untuk mewujudkan suatu persekitaran regulasi siber yang lebih mantap dan berkesan.

- **Laporan Kajian Cutler & Co. (1997)**

Cutler & Co. yang ditugaskan untuk mengkaji kedudukan dan potensi pelaksanaan regulasi pencantuman media di negara ini, mendapati bahawa masih terdapat kekurangan pengasingan di antara tanggungjawab pihak penggubalan polisi dengan pihak pelaksanaan polisi. Keadaan ini, menurutnya akan membantutkan proses kesempurnaan kerja-kerja perancangan dan pelaksanaan polisi kerana ia saling bersangkutan di antara satu sama lain.

Keadaan ini terjadi apabila terdapat kepentingan pihak penggubalan polisi dan pelaksanaan polisi terhadap sesuatu peraturan atau undang-undang yang dikuatkuasakan nanti. Contohnya, apabila pihak penggubal polisi merasakan bahawa ia perlu mencampuri urusan pihak berkuasa yang ditugaskan untuk melaksanakan polisi tersebut, maka terjadi suatu konflik kepentingan (*conflict of interest*) yang akan menimbulkan masalah semasa polisi itu akan dikuatkuasakan nanti.

Di samping itu juga, Cutler & Co. menyebut bahawa di antara faktor-faktor lain yang menyebabkan perkhidmatan pelesenan media di negara ini tidak sempurna kerana tidak ada suatu sistem bersepadu yang dapat menghubungkan semua jenis pendaftaran dan pembaharuan pelesenan media. Sebelum Akta Komunikasi dan Multimedia ini digubal, para pengusaha media terpaksa melakukan pendaftaran dan pembaharuan lesen di beberapa buah kementerian yang berkaitan.

Di samping itu, kekurangan pengasingan di antara operasi industri dengan kerajaan juga menimbulkan masalah kepada kedua-dua pihak berkenaan. Pihak industri tidak dapat membangun dan memperluaskan operasi perkhidmatannya kerana tidak menjalin hubungan atau mendapat sokongan daripada kerajaan. Pihak kerajaan juga dikatakan sukar memantau perkhidmatan yang ditawarkan oleh industri berikutan sikap industri yang tidak mahu bekerjasama memberikan maklumat perkhidmatannya kepada kerajaan.

Pengasingan ‘penggubalan polisi’ dan ‘pelaksanaan polisi’, menurut Cutler & Co. disifatkan penting kerana;

- a) pengasingan tersebut dapat meningkatkan penekanan atau memfokus kepada objektif polisi dan pembangunan strategi polisi agar ia dapat berfungsi dengan sempurna mengikut matlamatnya;
- b) meningkatkan penekanan kepada pelaksanaan polisi dan pengurusan harian industri melalui pematuhan rangka kerja polisi yang jelas;

- c) meningkatkan ketelusan perhubungan di antara penggubal polisi dengan pihak pelaksana atau penguatkuasa polisi yang dibangunkan itu.

Culter & Co. telah mengenalpasti beberapa kelemahan yang terdapat pada fenomena 'pencantuman media' di negara ini, termasuklah;

- a) regulasi yang mengekang persaingan boleh menimbulkan integrasi korporat yang tidak efisien;
- b) proses perolehan maklumat umum yang tidak efisien;
- c) platform rangkaian kemudahan maklumat yang tidak dibangunkan dengan sempurna menyebabkan pengaliran data tidak sempurna;
- d) kurangnya strategi yang dapat membina forum bagi merangka sistem protokol antarabangsa dan regulasi pasaran industri;
- e) Tidak membangunkan mekanisme pemantauan yang dapat meningkatkan keyakinan pengguna terhadap pengagihan rangkaian maklumat dan keselamatan data.

Cutler membuat analisis terhadap fenomena 'pencantuman media' yang bakal dilaksanakan di negara ini sebagai suatu formula untuk meningkatkan kredibiliti produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh industri berkenaan. Sistem pencantuman industri tersebut dikatakan berupaya untuk meningkatkan skop dan perluasan pasaran produk atau perkhidmatan yang dihasilkan itu.

Dalam tempoh masa yang panjang, produk atau perkhidmatan yang dihasilkan menerusi mekanisme ini akan dapat menyaingi produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh industri-industri asing yang sedia ada di pasaran tempatan mahupun antarabangsa. Cutler (1997) menyatakan bahawa;

Convergence itself has the potential to provide solutions in the medium term to many of generic market imperfections. It provides opportunities for the dilution of market power through the widening of market boundaries and the introduction of substitute platforms of delivery that digitisation has generated.

(halaman 35, Vol. 3, 1997)

- **Kajian Khaw (1997)**

Khaw membuat kajian kedoktorannya mengenai isu Hakcipta dengan merujuk kepada peruntukan perundangan di dalam Akta Hakcipta 1987 dan implikasi terhadap penguatkuasaan akta berkenaan. Khaw berpandangan bahawa masih terdapat kekurangan yang wujud di dalam peruntukan perundangan Akta Hakcipta yang digubal di negara ini. Ia dikatakan tidak meliputi hal-hal berhubung dengan perdagangan elektronik, hakmilik intelektual yang melibatkan sistem perdagangan maya.

Oleh sebab itu, Khaw menyarankan supaya suatu mekanisme yang mantap dan berkesan dirancang bagi menangani masalah perundangan hakcipta dan hakmilik intelektual di negara ini. Mekanisme tersebut perlu mengambil kira kedudukan dan kepentingan

teknologi, sumbangan dan peranan bidang yang berkaitan dengan pelaksanaan sistem hakcipta ini agar ia dikatakan dapat memenuhi keperluan perundangan mengenainya

Pelaksanaan terhadap akta ini juga, menurut beliau memerlukan suatu langkah yang tegas daripada kerajaan bagi memastikan sistem perundangan sebegini dapat memenuhi keperluan negara dan masyarakat. Kajian Khaw boleh dikatakan sebagai era permulaan bagi kajian-kajian lain yang dilakukan ke atas pelaksanaan undang-undang siber di negara ini, seperti kajian Abu Bakar Munir (1998), Deepak Pillai (1998), Khairul Azmi Mohamad (1999) dan Hurriyah El Ismaly (1999)

- **Kajian Abu Bakar Munir (1998)**

Abu Bakar Munir telah membuat kajian bandingannya terhadap regulasi-regulasi siber yang dilaksanakan oleh beberapa negara seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Asia. Beliau menyifatkan bahawa keperluan mengisi konsep globalisasi dan dunia teknologi maklumat pada hari ini telah mendorong negara-negara tersebut untuk menumpukan suatu pendekatan dasar yang dinamik. Ia adalah untuk memastikan bahawa dasar-dasar yang diamalkan oleh negara-negara itu tidak ketinggalan daripada arus perubahan teknologi tersebut.

Menerusi perbandingan menyeluruh ini, Abu Bakar dapat merumuskan bahawa terhadap suatu aliran (*trend*) di kalangan negara-negara yang dikaji dalam mewujudkan suatu persekitaran teknologi maklumat yang dikatakan dapat menggandakan faedah yang dimiliki oleh kerajaan, masyarakat dan negara-negara berkenaan. Polisi-polisi dan perancangan berhubung dengan penjanaan pembangunan teknologi maklumat yang

digubal oleh negara-negara berkenaan, jelas membayangkan bahawa golongan pemerintah merasakan bahawa kemajuan teknologi maklumat perlu dikongsi bersama oleh semua negara di dunia ini. Ia dikatakan dapat membantu menjayakan suatu gagasan perhubungan global yang pernah dianjurkan oleh Toffler, McLuhan dan Ohmei.

- **Kajian Hurriyah El Ismaly (1999)**

Hurriyah, di dalam suatu kajian di peringkat Sarjana, telah mengaitkan isu perdagangan elektronik (*E-Commerce*) dengan undang-undang. Beliau membuat suatu perbandingan khusus di antara *Common Law* dengan undang-undang yang diguna pakai di Malaysia berhubung dengan pelaksanaan bentuk perdagangan elektronik tersebut.

Beliau menyifatkan bahawa konsep perdagangan elektronik yang berasaskan kepada teknologi Internet yang diamalkan di negara ini harus mengambil kira aspek-aspek perundangan Syariah yang berdasarkan kepada Al-Quran dan Hadith. Menurut beliau, Malaysia masih belum memiliki sistem regulasi yang dapat mengawal perdagangan menerusi Internet.

Suatu pendekatan yang lebih pragmatik dan komprehensif, sejajar dengan tuntutan agama Islam perlu digubal dan dilaksanakan di negara ini agar sistem perdagangan seumpama ini terlepas daripada perbuatan penipuan dan *riba'*. Pendekatan yang disyorkan itu termasuklah penelitian terhadap sistem percukaian ke atas dagangan yang dipesan menerusi *online*, sistem penawaran harga produk dan perolehan keuntungan daripada penjualan produk agar ia tidak dikategorikan sebagai *riba'*.

- **Kajian-kajian Oleh Para Pengkaji Asia**

Para pengkaji perundangan daripada Asia seperti Ang Peng Hwa (1999), Pairash Thajchayapong (1999), Glen Lewis (2000), Victor Patricia, T. Prodigalidad dan Alfonso G. Peyno (1999) mengupas mengenai strategi dan kedudukan perundangan siber di beberapa buah negara ASEAN seperti di Singapura, Thailand dan Filipina. Mereka bersependapat bahawa undang-undang siber yang diperkenalkan di negara-negara ASEAN pada masa kini telah merangsangkan pembangunan kandungan (*content development*) di dalam setiap bentuk teknologi media.

Perubahan terhadap peruntukan perundangan sebegini dikatakan akan membuka persaingan teknologi di antara negara-negara berkenaan untuk menerajui bidang komunikasi dan telekomunikasi di rantau ini.

Ang mencadangkan bahawa terdapat dua kategori penggubalan undang-undang siber, iaitu dengan memperkenalkan kumpulan undang-undang siber yang akan diguna pakai oleh kerajaan di sesebuah negara dan pindaan serta pengubahsuaian terhadap undang-undang sedia ada, menjadikannya relevan kepada perkembangan teknologi siber. Melalui kaedah ini, undang-undang baru akan hanya digubal sekiranya perlu.

Ang di dalam kajiannya terhadap pelaksanaan undang-undang siber di Singapura pula menyifatkan bahawa percubaan republik itu untuk menyaring maklumat Internet belum mencapai kejayaan. Hanya kod penggunaan Internet yang diperkenalkan bagi membolehkan masyarakat di Singapura peka terhadap perkembangan teknologi siber tersebut. Menurut Ang, Singapura akan terus memperkenalkan bentuk perundangan

media yang berbeza dengan negara-negara di rantau ASEAN sebagai suatu pendekatan untuk memelihara nilai komersil industri teknologi maklumat di republik tersebut.

Sementara itu pula, Glen Lewis daripada Bangkok University menyifatkan bahawa kesediaan Thailand untuk mewujudkan suatu persekitaran industri teknologi maklumat di negara itu menerusi penggubalan undang-undang sibernya adalah merupakan suatu langkah untuk memantapkan ekonominya selepas kegawatan pada tahun 1997. Pelan pembangunan IT yang dirangka dan dilaksanakan itu membolehkan penggembelangan sumber tenaga manusia di negara tersebut dapat dipertingkatkan dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyatnya.

Pairash Thajchayapong (1999) pula berpandangan bahawa suatu keseimbangan di antara pembangunan teknologi dan sosiobudaya masyarakat di Thailand perlu diwujudkan bagi memastikan bahawa negara tersebut tidak kehilangan identitinya, berikutan perlumbaan memperolehi teknologi seumpama itu. Strategi pembangunan IT di Thailand, menurutnya perlu berasaskan kepada pengisian sosial yang dapat mewujudkan suatu budaya masyarakat yang dinamik dan bukanlah bertumpu kepada komersil dan pulangan pelaburan semata-mata.

Sementara itu pula, Victor Patricia, T. Prodigalidad dan Alfonso G. Peyno (1999), di dalam kajiannya pula merumuskan bahawa kesediaan membangunkan kandungan maklumat teknologi bukan semata-mata bergantung kepada penggubalan undang-undang tertentu. Ia juga harus berasaskan kepada nilai masyarakat yang diamalkan dan keprihatinan kerajaan untuk mewujudkan suatu persekitaran teknologi dan sosiobudaya yang seimbang.

Mereka merujuk kepada Filipina yang tidak memiliki undang-undang pencantuman media digubal di negara itu. Menurut mereka, kesediaan kerajaan untuk mengadaptasikan peruntukan perundangan mengenai teknologi ke dalam undang-undang sedia ada, merupakan suatu langkah yang bijak kerana ia dapat memantapkan kandungan perundangan asal yang sedia ada.

Dengan demikian, kerajaan telah pun dapat menjimatkan kos penyelenggaraan bagi mewujudkan suatu undang-undang baru, di samping memelihara status undang-undang sedia ada yang dikatakan relevan dengan perubahan zaman.

- **Kajian-kajian Lain**

Implikasi teknologi maklumat kepada masyarakat dan sistem sosial secara keseluruhannya boleh disifatkan sebagai suatu fenomena sosiologikal yang sering diberi penekanan oleh para pengkaji barat. Tap Scott (1998), di dalam kajiannya membayangkan suatu rangsangan kebangkitan generasi maklumat (*net generation*) Beliau menganggap bahawa kesediaan masyarakat untuk menyesuaikan persekitaran sedia ada dengan perkembangan generasi bermaklumat ini merupakan faktor penting yang akan mewujudkan suatu keseimbangan sosial.

Sementara itu pula, kajian Negroponte (1995) meramalkan suatu bentuk gaya hidup baru yang akan dapat dirasai oleh generasi muda. Ia akan membina suatu peradaban dan budaya yang baru untuk diamalkan oleh golongan ini dan bertentangan dengan corak budaya sedia ada. Beliau juga melihat peluang-peluang yang dapat dimanfaatkan di

dalam era siber ini, termasuklah dari segi kepentingan pendidikan, pembangunan perniagaan, sosiobudaya dan sebagainya.

Kajian Dijk (1999), Downey dan Mc Guigan (1998) pula banyak menekankan kepada aspek perubahan budaya dan pembentukan suatu simbol budaya masyarakat baru di dalam era siber pada hari ini. Masyarakat siber, menurut Dijk, berperanan untuk memilih corak kehidupan mereka yang tersendiri, lebih fleksibel, berfikiran terbuka dan bebas dalam menentukan halatuju kehidupan mereka.

Selain daripada itu, terdapat suatu lagi kajian yang dibuat oleh Jones (1997 dan 1998) berhubung perkaitan di antara budaya siber dengan masyarakat. Jones menyifatkan bahawa budaya siber yang dibentuk hasil daripada perubahan teknologi maklumat ini akan mempengaruhi sistem sesebuah institusi sosial di dalam negara. Ia merangkumi aspek-aspek pembangunan gender, kebudayaan dan sosiopolitik bagi sesebuah masyarakat yang mengalami perubahan tersebut.

Beliau merumuskan bahawa budaya siber ini akan melahirkan suatu sistem peradaban yang sangat berbeza jika dibandingkan dengan sistem peradaban sosial yang diamalkan oleh masyarakat selama ini. Perubahan pada sistem teknologi maklumat, menurut beliau akan merangsang suatu persekitaran yang menghubungkan manusia dengan teknologi menerusi suatu sistem komunikasi yang bersifat global dan bersepadu.

2.4 Teori Berkaitan dan Huraian

Kajian berhubung dengan kesan pelaksanaan sesuatu akta boleh dibuat dengan menganalisis kesesuaian sesuatu akta itu dengan kepentingan sesuatu bidang, situasi, atau pihak yang terlibat di dalam penguatkuasaan akta tersebut (Khairul, 2000).

Di dalam hal ini, Akta 588 ini boleh dikatakan sebagai suatu akta yang menjaga kepentingan industri telekomunikasi, penyiaran dan multimedia dan melibatkan beberapa pihak, iaitu pembekal rangkaian maklumat, pembekal sumber maklumat, pengguna dan masyarakat umum.

Keperluan mewujudkan akta seperti ini seelok-eloknya mengambil kira kepentingan semua pihak dan menguntungkan semua pihak yang terlibat. Pembekal rangkaian maklumat, misalnya menganggap pelaksanaan akta ini membolehkan lebih banyak peluang perniagaan dapat dibekalkan kerana akta tersebut menghadkan budaya monopolistik di kalangan syarikat-syarikat perniagaan di dalam bidang berkenaan.

Dengan mengambil kira peningkatan teknologi dan kepentingan sosial di dalam sesuatu kelompok masyarakat, suatu teori yang berkaitan dengan pemahaman masyarakat mengenai kesan aplikasi teknologi dan kepentingannya dalam suatu sistem sosial adalah diperlukan.

2.4.1 Teori Model Sistem Sosial AGIL

Teori yang dimaksudkan itu ialah suatu model sistem sosial dalam suatu organisasi formal yang dikemukakan oleh Parson (1960). Model tersebut diatur dalam bentuk analogi yang dinamakan **AGIL** (Scott, 1992: 68-69). Parson, dipetik oleh Rosazman (2000) telah menyarankan empat fungsi asas yang perlu dibentuk di dalam suatu sistem sosial seperti di bawah :

Adaptation (adaptasi) : masalah yang berkaitan dengan kemampuan menyesuaikan diri bagi mendapatkan sumber.

Goal Attainment (pencapaian Maklumat): masalah yang berkaitan dengan perancangan dan pelaksanaan matlamat.

Integration (penyatuan): masalah yang berkaitan dengan kesepaduan atau koordinasi di antara subunit dalam sistem berkenaan.

Latency (pendaman): masalah untuk mengadakan penciptaan, pemeliharaan dan penyaluran nilai dan budaya yang baik tetapi terpendam ke dalam sistem.

Model AGIL ini dibentuk untuk mendapatkan suatu hubungan di antara persekitaran teknologi dengan kepentingan masyarakat mengikut struktur sistem sosial yang diamalkan oleh kelompok masyarakat tersebut. Perhubungan yang sempurna dikatakan menampilkan kesan persekitaran teknologi yang dapat difahami dan diadaptasikan oleh golongan masyarakat. Di dalam konteks ini, Parson telah menyarankan beberapa tahap

yang diperlukan untuk membina penyempurnaan sistem sosial masyarakat menerusi pendekatan model AGIL.

Tahap-tahap tersebut adalah seperti berikut;

- Tahap pertama : Tahap Ekologi

Tahap ini mengaitkan suatu organisasi dengan fungsi sosial masyarakat. Organisasi yang dianggap berjaya di dalam struktur masyarakat adalah organisasi yang dapat mengimbangi fungsinya dengan kepentingan sosial masyarakat tersebut. Di dalam konteks kajian ke atas Akta Komunikasi dan Multimedia (Akta 588) ini, terdapat dua pendekatan yang dapat difahami menerusi tahap ekologi, iaitu;

- a) Akta 588 ini perlu memiliki fungsi yang berimbang dengan kepentingan masyarakat di Malaysia. Ini bermakna bahawa regulasi-regulasi yang terdapat di dalam akta tersebut perlu mengambil kira kedudukan sosioibudaya masyarakat di negara ini;
- b) Pihak pembekal sistem rangkaian maklumat atau kandungan maklumat pula perlu menyesuaikan peranan dan kepentingan perniagaannya dengan keperluan masyarakat, termasuklah membentuk suatu struktur kandungan yang tidak menyalahi undang-undang, memelihara keharmonian dan struktur budaya semua kaum serta mengikut latar kefahaman masyarakat di negara ini.

- Tahap Analisis Struktur

Tahap kedua ini boleh ditafsirkan sebagai suatu organisasi yang mampu membangunkan struktur fungsinya untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran. Kemudian, ia juga mampu memindah dan mengagihkan keperluan sumber kepada sasarannya bagi membolehkannya meneruskan operasinya. (Ibid.). Kenyataan ini boleh dikaitkan dengan kajian ini dengan memberi pengertian seperti berikut;

- a) Kandungan yang terdapat di dalam Akta 588 perlu relevan dengan keperluan fungsi bidang-bidang yang terlibat dan menepati kehendak masyarakat. Ia dapat dilakukan dengan membuat perancangan ke atas kandungan perundangan di dalam akta itu supaya ia boleh digunakan oleh peserta bidang-bidang berkenaan dan masyarakat untuk suatu tempoh masa yang tertentu;
- b) Organisasi perniagaan yang terlibat di dalam kegiatan pembekalan dan penyaluran rangkaian maklumat kepada masyarakat pula perlu menyesuaikan struktur fungsinya seperti penjaan sistem operasi yang cekap, dasar organisasi yang fleksibel mengikut keperluan teknologi semasa atau struktur perkhidmatan yang berkesan.

Dengan cara ini, sesebuah organisasi perniagaan itu dikatakan relevan dan boleh bertahan di dalam bidang perniagaannya kerana penyesuaian sktrukur perniagaannya adalah mengikut keperluan semasa.

c) Tahap Psikologi Sosial

Tahap ketiga ini melibatkan suatu konsep bagaimana sub-sistem dan sub-unit menilai keperluan fungsinya serta menyumbangkan pengaruhnya kepada kepentingan sistem sosial masyarakat.

Sub-unit yang dimaksudkan oleh Parson ialah organisasi pentadbiran dan perniagaan seperti kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, syarikat-syarikat dan sebagainya.

Sub-sistem pula bermaksud rangkaian atau jalinan semua sub-unit menerusi suatu sistem menyeluruh seperti sistem teknologi maklumat dan pengguna. Poon (1988) di dalam kajiannya pula menyifatkan bahawa sub-sistem ini dikenali sebagai 'sistem teknologi maklumat' (Rosazman, 2000).

Secara teorinya, tahap keberkesanaan terhadap penguatkuasaan Akta 588 ini adalah bergantung kepada kelancaran sub-unit dan sub-sistem yang dapat meningkatkan pemahaman masyarakat terhadap matlamat pembentukan akta tersebut.

Dalam erti kata lain, Kementerian dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia perlu mengenalpasti suatu sistem teknologi maklumat yang dapat menghubungkan badan kerajaan dengan para pembekal rangkaian sistem maklumat atau kandungan maklumat.

Suatu sistem perhubungan yang berkesan juga diperlukan untuk memastikan bahawa para pembekal maklumat tersebut dapat menyalurkan mesejnya kepada para pengguna dan masyarakat. Fungsi dan kepentingan organisasi akan dapat difahami

oleh pengguna dan masyarakat menerusi suatu sistem interaksi maklumat yang dijanakan.

2.4.2 Teori Model Gelombang Ketiga Toffler

Suatu lagi model kontempori yang agak menarik mengenai perkaitan di antara teknologi dan kehidupan manusia ini ialah Model Gelombang Ketiga. Model ini telah diperkenalkan oleh Alvin Toffler pada tahun 1980. Alvin mengkategorikan kebangkitan dan perubahan teknologi maklumat yang berlaku di dalam suatu era dunia ini sebagai 'Gelombang Ketiga'.

Model ini wujud sebagai satu platform yang menghubungkan beberapa komponen aspek kehidupan manusia dan membentuk suatu paduan atau kesamarataan fungsi di dalam persekitaran sosial dalam konteks global. Konsep inilah yang diperkenalkan oleh McLuhan sebagai "*Global Village*". Paduan fungsi yang mengaitkan kesemua unsur kehidupan itu, akhirnya akan mencernakan suatu bentuk teknologi yang bersifat global dan menyeluruh.

Toffler membuat hipotesis-hipotesis teori sosialnya menerusi Model Gelombang Ketiganya seperti berikut;

- Semua peradaban memiliki suatu sistem kekuatan. Ia mengandungi satu sistem pengeluaran dan pemasaran bahan atau perkhidmatan yang memerlukan aspek keselamatan untuk melindungi inventori tersebut;

- Sistem pengeluaran dan pengedaran itu saling berkaitan di antara satu sama lain melalui suatu pertalian yang erat, membentuk suatu lingkungan “teknosfera”;
- Sistem ekologi yang dijanakan oleh pelbagai institusi sosial membentuk “sosiofera”. Ia terdiri daripada berbagai sistem kecil yang saling berhubungkait di antara satu sama lain;
- Masyarakat pula memiliki suatu struktur komunikasi yang dinamakan “infosfera”. Semua operasi masyarakat pula terangkum di dalam “biosfera”. Peradaban ini juga terdiri daripada “politikosfera”, iaitu suatu tahap penguasaan institusi politik formal ataupun tidak formal di dalam suatu sistem komuniti;
- Perlakuan dan tingkahlaku masyarakat pula dilabelkan sebagai “psikosfera” yang akan menghasilkan suatu lingkungan subjektif dan personaliti bagi mengisi elemen di dalam sistem sosial komuniti tersebut;
- Gabungan kesemua lingkungan; teknosfera, sosiofera, infosfera, biosfera, politikosfera dan psikosfera akan membentuk suatu nilai atau tahap pencapaian kehidupan dalam masyarakat. Pencapaian ini dikatakan bersifat dinamik kerana telah memenuhi pengisian menyeluruh di dalam suatu persekitaran kehidupan masyarakat tersebut;
- Unsur “lingkungan”, “prinsip”, dan “superideologi” di dalam model ini adalah berkaitan dengan kehidupan sebenar yang menekankan suatu perkaitan langsung dengan sistem tingkahlaku dan peradaban manusia. Dalam erti kata yang lain,

model ini membantu menjelaskan bentuk sistem yang membolehkan seseorang individu di dalam kelompok masyarakat atau komuniti itu berfungsi

Menurut Toffler, perubahan dalam teknologi maklumat akan menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan beberapa aspek pengisian kehidupan tersebut seperti aspek ekonomi, sosial, estetika, nilai peribadi dan sebagainya. Dengan mengambil kira unsur-unsur semulajadi dan persekitaran individu, perhubungan di antara perubahan teknologi dengan kehidupan individu tersebut dapat dijalinkan dengan sempurna kerana masih terdapat perkaitan langsung di antara unsur-unsur tersebut dengan keperluan kehidupan seseorang individu.

Toffler menjelaskan bahawa, terdapat beberapa pendekatan atau intipati daripada model ini yang boleh disesuaikan dengan aspek-aspek kehidupan tersebut. Fungsi model 'Gelombang Ketiga' ini boleh diperjelaskan seperti berikut,

- Model ini membantu kita mengkaji setiap peradaban di dalam kehidupan dan membezakan di antara suatu peradaban dengan peradaban yang lain. Masyarakat boleh disifatkan sebagai suatu daripada bahagian arus pelbagai perubahan yang saling bersekutu dan saling merangsang. Keadaan ini dipanggil sebagai metafora arus.
- Model ini dapat menyimpan dan menunjukkan perkaitan sejumlah besar maklumat, mengaturnya mengikut penjenisan atau bentuk tertentu dan boleh digunakan mengikut keperluan kehidupan seseorang individu.

- Model ini berasaskan kepada proses, bukan terhad kepada bentuk atau struktur kehidupan itu sendiri. Semua lingkungan yang dinyatakan di dalam model ini dipengaruhi oleh prinsip standardisasi, sinkronisasi, pengkhususan, pemusatan pemerhatian, memaksimumkan sesuatu pencapaian di dalam lingkungan proses dan lain-lain.
- Ia sesuai dijadikan ukuran kepada kajian terhadap struktur, proses penyaluran dan hubungkait maklumat dengan masyarakat, impak teknologi ke atas masyarakat dan bagaimana teknologi maklumat itu merangsang setiap lingkungan tersebut. Lingkungan-lingkungan yang dimaksudkan itu sebenarnya mewujudkan suatu konsep dan kesan tingkah laku manusia terhadap arus teknologi maklumat yang dihadapinya (Toffler, 1980)

Dalam konteks pengkajian impak terhadap perundangan siber di negara ini, model ini boleh difahami sebagai suatu model komunikasi yang mengandungi proses penyatuan teknologi dengan aspek kehidupan masyarakat yang diwakili oleh pembentukan lingkungan-lingkungan komunikasi.


Hubungkait di antara setiap proses lingkungan di dalam model ini memberi suatu gambaran dan kefahaman menyeluruh mengenai kedudukan masyarakat dalam arus perubahan teknologi yang mereka lalui.

Pengalaman dan cara hidup masyarakat yang digambarkan mengikut kategori-kategori tertentu di dalam model tersebut, menunjukkan bahawa penerimaan dan pengadaptasian nilai-nilai teknologi di dalam kehidupan mereka adalah berubah-ubah.

mengikut keupayaan anggota-anggota masyarakat mengguna dan memiliki teknologi tersebut

Secara ringkasnya, hubungkait setiap proses lingkungan yang dinyatakan oleh Toffler boleh dirujuk melalui gambarajah 1.0

Rajah 1.0 : Teori Model Gelombang Ketiga Toffler, 1990



(olahan pengkaji dari Teori Toffler, 1990)